

SULIT
1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
2020
2 ¼ jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH-SEKOLAH MALAYSIA CAWANGAN PAHANG
(DAERAH MARAN)**

MODUL PENGESANAN III SPM TAHUN 2020

BAHASA MELAYU TINGKATAN 5

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
 2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan **Bahagian B**.*
 3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
 4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak

Bahagian A
[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar rajah di bawah ini menunjukkan sebahagian daripada kepentingan perhimpunan rasmi di sekolah.


Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan perhimpunan rasmi dalam kalangan murid di sekolah**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

**KEPENTINGAN PERHIMPUNAN RASMI DALAM
KALANGAN MURID DI SEKOLAH**

1. Membentuk disiplin murid

2. Menanam semangat patriotisme

3. Membudayakan kemahiran mencatat



Bahagian B
[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Amalan menjaga kebersihan diri dan persekitaran sangat penting dalam kehidupan remaja agar berada dalam keadaan yang baik dan sejahtera.

Anda bercadang untuk menulis rencana yang bertajuk “Kepentingan Menjaga Kebersihan diri dan persekitaran dalam Kalangan Remaja” untuk dimuatkan dalam majalah tahunan sekolah anda. Tulis rencana tersebut selengkapnya.

2. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memupuk semangat cinta akan negara terhadap anak-anak.

Ulaskan pernyataan tersebut.

3. Rumah Terbuka yang diadakan pada hari perayaan mampu mengukuhkan perpaduan kaum di negara ini.

Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan pendapat anda tentang kebaikan mengadakan rumah terbuka di negara ini.

4. Kepelbagaian produk makanan sejuk beku antarabangsa turut melibatkan Malaysia kerana produk makanan sejuk beku Malaysia terjamin kebersihan dan khasiatnya serta mendapat pengiktirafan dunia.

Jelaskan keistimewaan -keistimewaan produk makanan sejuk beku kepada masyarakat dunia.

5. Puisi tradisional seperti pantun, syair, seloka dan gurindam merupakan warisan bangsa yang perlu dipertahankan.

Jelaskan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk memastikan puisi tradisional tidak luput ditelan zaman.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
2020
2 ½ jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH-SEKOLAH MALAYSIA CAWANGAN PAHANG
(DAERAH MARAN)

MODUL PENGESANAN III SPM TAHUN 2020

BAHASA MELAYU TINGKATAN 5

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Jawapan bagi **Soalan 2(b), Soalan 2(c) Soalan 2(d) dan Soalan 4** berdasarkan teks *Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang telah disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Soalan 1 : Rumusan
[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **impak ketagihan peranti elektronik dalam kalangan remaja dan cabaran untuk menanganinya**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.*

Peredaran zaman telah mengubah kecenderungan remaja pada masa ini untuk mengisi waktu terluang dengan peranti elektronik. Secara umumnya peranti elektronik bermaksud semua peralatan elektronik yang berfungsi sebagai medium penyampai maklumat dan komunikasi dalam kehidupan harian. Walaupun secara asasnya makna peranti elektronik ini merujuk kepada perkembangan teknologi yang mampu memberikan kesan positif kepada pengguna, namun dalam kalangan remaja, perkembangan teknologi ini menjadi ancaman jika tidak dikawal penggunaannya. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia pada tahun 2014, sebahagian besar pengguna Internet di Malaysia terdiri daripada remaja.

Kecenderungan remaja menggunakan peranti elektronik secara berlebihan sebenarnya berpunca daripada kesilapan segelintir ibu bapa dan penjaga remaja terbabit. Ibu bapa dan penjaga perlu bertanggungjawab dan mengakui bahawa isu ketagihan peranti elektronik dalam kalangan remaja bermula daripada kebebasan dan keterbukaan ibu bapa melengkapkan anak remaja dengan peralatan elektronik. Di samping itu segelintir ibu bapa pada masa ini mudah meletakkan sepenuh kepercayaan kepada peranti elektronik untuk anak-anak remaja mereka sebagai 'penjaga' pada waktu mereka sibuk di luar rumah. Sehubungan itu terdapat pelbagai kesan negatif yang menimpa para remaja. Pembaziran masa merupakan antara impak negatif terhadap penggunaan peranti elektronik secara berlebihan. Masalah kesihatan seperti obesiti juga dikatakan berpunca daripada situasi tersebut. Dalam konteks yang lain para remaja akan berhadapan dengan masalah kekurangan kemahiran bersosial dan berkemungkinan menyebabkan tingkah laku ganas, tekanan, kemurungan dan kecelaruan identiti.

Menurut seorang pakar pediatrik tempatan, remaja yang menggunakan aplikasi seperti permainan video melebihi dua jam akan menjejaskan penglihatan mereka dan menyebabkan mata menjadi rabung. Selain itu, bagi remaja yang menggunakan peranti elektronik dalam keadaan postur berbaring atau duduk terlalu lama akan meninggalkan kesan kesakitan pada tulang belakang dan meningkat risiko bongkok pada usia muda. Di samping itu, remaja yang ketagihan penggunaan peranti elektronik akan mengurangkan tumpuan mereka terhadap pelajaran atau tugas yang diberikan oleh guru sebaliknya lebih terarah kepada dunia digital. Dalam aspek pergaulan dan berkomunikasi pula, remaja akan menjadi lebih pendiam, kurang sabar, tidak mempunyai teman rapat dan penguasaan bahasa yang tidak berkembang. Isu remaja dan masalah ketagihan peranti elektronik ini bukanlah sesuatu perkara yang baharu. Masalah ini menjadi semakin kritikal akibat daripada perkembangan teknologi komunikasi yang semakin bervariasi.

Dalam membicarakan isu ketagihan remaja terhadap peranti elektronik ini, implikasi dari sudut perkembangan emosi pula akan mengganggu *perkembangan emosi* dan kerohanian para remaja. Pada usia yang muda, remaja akan terdedah dengan masalah daya tumpuan yang rendah dan kawalan emosi yang tidak tersusun dengan baik. Oleh itu semua pihak terutamanya ibu bapa dan penjaga perlu mengawasi penggunaan peranti elektronik dalam kalangan remaja. Perkembangan teknologi yang sangat pantas menyebabkan remaja tidak dapat lari daripada

menggunakannya. Memang tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan peranti elektronik telah menjadi suatu keperluan untuk menjalankan rutin harian. Namun begitu remaja seharusnya bijak memanfaatkan kecanggihan peranti tersebut, bukannya terjerumus ke lembah ketagihan. .

Dipetik dan diubah suai daripada
' Punca dan Kesan Ketagihan Peranti Elektronik'
oleh Noor Azam Abdul Rahman,
Dewan Siswa, Jun 2018.

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *perkembangan emosi*.

[2 markah]

- (ii) Dalam petikan ada menyatakan kesilapan ibu bapa atau penjaga yang menyebabkan remaja terjerumus ke lembah ketagihan peranti elektronik.

Nyatakan kesilapan-kesilapan tersebut.

[3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang patut dilakukan oleh ibu bapa dalam menangani masalah ketagihan peranti elektronik dalam kalangan remaja.

[4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat-ayat anda sendiri.

Hampir beberapa purnama, saya tidak bertemu Munsyi di perkampungan pinggir kota ini. Suatu hari, saya terhidu perkhabaran tentang rancangan sebuah syarikat perumahan dengan kebenaran pengusaha kota untuk mengambil alih kampung tradisi yang didiami oleh Munsyi serta lebih dua puluh buah rumah yang semuanya diduduki keluarga Melayu. Khabarnya kawasan itu akan dibangunkan dengan pelbagai bangunan mewah serta hotel bertaraf lima bintang. Penduduk diberikan tempoh beberapa hari untuk mengosongkan premis mereka sebelum dirobohkan. Oleh sebab kesibukan tugas, saya tidak sempat menemui lelaki tua itu.

Seminggu selepas itu, ketika saya sampai di kampung pinggir kota itu, keadaan sudah kelam-kabut. jentera-jentera berat bersiap sedia merobohkan rumah-rumah kayu usang. Puluhan anggota penguat kuasa mengawal suasana sekitar yang dipanaskan dengan demonstrasi penduduk membantah pencerobohan itu.

Saya mencari Munsyi. Saya bimbang akan puluhan buku lama yang dihadiahkan oleh bonda kepada Munsyi. Ketika sesi meroboh bermula, saya jadi terkedu melihat puluhan buku ini ranap dan berkecai bersama-sama ranapnya rumah Munsyi dihentam taring-taring tajam jentera berat yang melanggar dan meredah apa-apa saja. Air mata saya menitis sedih dan pilu bukan sahaja mengenang khazanah berharga yang musnah, tetapi membayangkan satu-satunya tanah rizab milik bangsa di kota besar ini akan berpindah kepada tuan-tuan saudagar asing yang bakal mengaut keuntungan di bumi ini.

Selepas kejadian itu, sehari-hari saya cuba menjejak Munsyi, namun kelibatnya langsung tidak saya temui. Saya bertanya setiap orang, ke mana perginya gerangan orang tua itu, namun tiada sesiapa mengetahui pejuang bahasa ibunda itu menghilangkan diri.

Dipetik daripada cerpen 'Munsyi'
oleh Husna Nazri
dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan cerpen di atas, nyatakan reaksi Mel apabila sesi meroboh perkampungan pinggir kota yang merupakan tempat tinggal Munsyi bermula?
[2 markah]
- (ii) Pada akhir cerita, Mel cuba menjejak Munsyi, namun kelibatnya langsung tidak ditemui. Pada pendapat anda, apakah yang terjadi kepada pejuang bahasa ibunda tersebut?
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** latar masyarakat lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.
[4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat-ayat anda sendiri.

Syahadan, pada suatu hari, maka Tun Perak datang menghadap, duduk di tanah sama-sama orang banyak. Maka kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, "Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini menghadap baginda mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan. Adapun orang teluk rantau yang lain semuanya menghadap laki-laki juga; adapun orang Kelang ini menghadap dibawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah maka demikian fiil tuan?"

Maka tiada disahut oleh Tun Perak kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata, itu pun tiada disahuti oleh Tun Perak. Genap tiga kali Seri Amerta berkata itu, maka barulah disahuti oleh Tun Perak, katanya, "Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah baik-baik tuan hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, jangan kemakanan matanya. Akan pekerjaan kami orang bekerja ini, di mana tuan hamba tahu? Adapun akan sekarang Duli Yang Dipertuan di dalam negeri ini dengan perempuan anak isteri dan segala perkakas. Maka benarkah pada fikir tuan hamba kami sekalian datang dengan laki-laki juga, dengan begini jauh Selat Kelang? Jikalau satu hal negeri ini, apa hisab pada kami sekalian? Sebab itulah maka segala orang Kelang ini hamba suruh bawa dengan anak isterinya sekali. Nescaya berperang dengan musuh bersungguh-sungguh hatinya; kurang-kurang ia berlawanan Duli Yang Dipertuan lebih ia berlawanan anak isterinya bersungguh-sungguh."

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*,

- (i) Berikan maksud *maka demikian fiil tuan*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan respons Tun Perak terhadap pertanyaan Seri Amerta berkaitan orang Kelang yang membawa anak isteri bersama-sama ke Melaka. [3 markah]
- (iii) Setiap ahli keluarga mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam usaha membentuk keluarga yang bahagia. Pada pendapat anda, apakah peranan tersebut? [3 markah]

Soalan 2 (d) – Petikan Puisi Tradisional

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Gurindam Dua Belas

(Fasal yang ketiga)

Apabila terpelihara mata.
Sedikitlah cita-cita.

Apabila terpelihara kuping.
Khabar yang jahat tiadalah damping.

Apabila terpelihara lidah,
Nescaya dapat daripadanya faedah.

Bersungguh-sungguh engkau memelihara tagan,
Daripada segala berat dan ringan.

Apabila perut terlalu penuh,
Keluirlah fiil yang tiada senonoh.

Anggota tengah hendaklah diingat,
Di situlah banyak orang yang hilang semangat.

Hendaklah peliharakan kaki,
Daripada berjalan yang membawa rugi.

Dipetik daripada 'Gurindam Dua Belas'
Mohd. Yusof Md Nor dan Abdul Rahman Kaeh(Penyelenggara)
dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul,
Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia

Apabila terpelihara kuping.
Khabar yang jahat tiadalah damping.

- (i) Berikan maksud rangkap di atas. [2 markah]
- (ii) Kemunculan media sosial seperti *whatsapp*, *telegram*, *twitter* dan *facebook* menjadi wadah kepada individu yang tidak bermoral untuk menyebarkan berita-berita yang boleh mempengaruhi minda pembacanya.
- Pada pendapat anda, apakah tindakan yang akan anda ambil sekiranya anda menerima sesuatu berita yang diragui kebenarannya. [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam gurindam tersebut. [4 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab **semua** soalan.

- (a) Tulis **satu ayat bagi tiap-tiap penjodoh bilangan** di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) hiris
- (ii) rawan
- (iii) urat
- (iv) buku
- (v) papan
- (vi) bidang

[6 markah]

- (b) Berdasarkan ayat-ayat di bawah, **bina ayat tanya dengan menggunakan kata tanya yang betul**. Kata Tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan rangkai kata yang berhuruf condong dalam ayat-ayat yang diberi.

- (i) *Datin Hazrin* ialah produk kecantikan yang terkenal itu.
- (ii) Puan Emi dan anak-anaknya datang ke kuantan *dengan menaiki bas*.
- (iii) Pertandingan akhir Tokoh NILAM Bahasa Melayu diadakan *di Dewan Abu Bakar*.
- (iv) Jumlah pelajar yang hadir ke kelas tambahan Bahasa Melayu pada hari Isnin *sebanyak 25 orang*.
- (v) Guru memarahi Laila kerana dia telah *menconteng buku kawannya*.
- (vi) Perkahwinan Puan Juliza dengan pasangannya akan dilangsungkan *pada 17 Februari 2021*.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

- (i) Pengganas Taliban telah memindah markas utamanya ke suatu lokasi rahasia dikawasan hutan tebal dan bergunung ganang.
- (ii) Inspektor Azliana telah menemukan senjata yang digunakan oleh penjenayah itu ditepi tempat pembuangan sampah.
- (iii) Antara koleksi yang paling menilai yang ada dalam simpanan puan Fariha ialah set pinggan-mangkuk antik yang berharga hampir RM 24,000.00.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Apabila disiarkan berita kenaikan harga minyak, stesen minyak-stesen minyak akan dipenuhi oleh pelanggan yang ingin memenuhi tangki minyak mereka.
- (ii) Encik Razif mewakili penduduk kampung ingin mengucapkan berbanyak terima kasih atas kehadiran Ahli Dewan Undangan Negeri untuk mengisytiharkan Program Cakna Rakyat.
- (iii) Novel bertajuk Andai itu Takdirnya karya Siti Rosmizah telah dibaca oleh saya dalam tempoh sehari sahaja.

[6 markah]

(e) Baca dialog dibawah dengan teliti, kemudian kemukakan **tiga peribahasa** yang menggambarkan situasi yang berbeza yang terdapat dalam petikan ini.

- Nuriha : Saya sangat bersyukur kerana kamu datang. Kalau kamu tidak datang, tak taulah nasib pasukan kita. Mungkin kita akan kalah teruk dan menanggung malu.
- Rozian: Bukan saya seorang sahaja yang penting. Semua pemain mempunyai tanggungjawab masing-masing.
- Nuriha: Kamu ini bukan sahaja pandai membuat hantaran bola, tetapi sangat laju apabila berlari mengejar bola sehinggakan pihak lawan tidak mampu mengejar kamu.
- Rozian: Janganlah tertalu memuji saya. Saya berpendapat sekiranya kita mempunyai tekad yang tinggi untuk menang, sudah pasti kejayaan menjadi milik kita.
- Nuriha: Saya berasa bersemangat setelah berbual-bual dengan kamu dan saya pasti pasukan kita akan jadi juara.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel
[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhani Mat Darin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Tirani karya Beb Sabariah
- (vi) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Salah satu teknik plot yang terdapat dalam novel ialah teknik suspens.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua unsur suspens** yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menggambarkan tema dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT